

HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN
PERSONALITI DAN GAYA KEPIMPINAN DALAM
KALANGAN PENOLONG-PENOLONG KANAN
SEKOLAH MENENGAH ZON KOTA KINABALU



RAHNAH FONG

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007

**HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN
PERSONALITI DAN GAYA KEPIMPINAN DALAM
KALANGAN PENOLONG-PENOLONG KANAN
SEKOLAH MENENGAH ZON KOTA KINABALU**

RAHNAH FONG



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS DISERTASI

JUDUL: HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN PERSONALITI DAN GAYA KEPIMPINAN DALAM KALANGAN PENOLONG-PENOLONG KANAN

IJAZAH: SARJANA PENDIDIKAN

SAYA RAHNAH FONG SESI PENGAJIAN: 2006/07
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (✓)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan Oleh

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

NO. 173 TMN WIJAYA
JALAN TUARAN
88450 MENGATAL
KOTA KINABALU

28 Disember 2007

NAMA PENYELIA:
PM DR VINCENT PANG

28 Disember 2007

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu telah saya nyatakan sumbernya.

28 Disember 2007



RAHNAH FONG
PS2004-006(K)-062



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

TAJUK : HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN
PERSONALITI DAN GAYA KEPIMPINAN DALAM
KALANGAN PENOLONG-PENOLONG KANAN SEKOLAH
MENENGAH ZON KOTA KINABALU

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN

TARIKH VIVA : 13 DISEMBER 2007



DISAHKAN OLEH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA

PM DR VINCENT PANG

PENGARAH

PUSAT PERKEMBANGAN AKADEMIK

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KOTA KINABALU

SABAH

(Tandatangan)

PENGHARGAAN

Pertama sekali syukur dan pujian saya panjatkan ke hadirat Tuhan kerana dengan kemurahan dan limpah kurniaNya, disertasi ini dapat disiapkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pengurusan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Vincent Pang Ah Fook kerana tidak jemu-jemu membimbing dan sentiasa memberi tunjuk ajar kepada saya. Penghargaan juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamed, Prof. Madya Dr. Salleh Abd. Rashid, Dr. Yusof Abd Dr. Naimah Yusoff dan Dr. Sabariah Shariff yang turut memberi tunjuk ajar dan sokongan sepanjang penulisan disertasi dijalankan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diberikan kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti kursus ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pegawai-pegawai di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah yang memberi kepercayaan kepada saya untuk menjalankan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Negeri Sabah, dan Institut Perguruan Gaya yang telah membenarkan saya membuat rujukan sepanjang kajian ini. Tidak lupa penghargaan yang tak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini. Buat sahabat baikku Jannie A. Roman dan suami, segala dorongan dan tunjuk ajar saya sangat saya hargai. Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat sahabat baik Maglin Jolly Chung, dan Nik Hassan Nik Seman serta isteri atas segala bantuan yang diberikan semasa menyiapkan kajian ini.

Dalam kesempatan ini saya juga ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada pengetua kanan SM. La Salle, Kota Kinabalu Pn. Julia Willie JockADK atas kepimpinan beliau, dan segala nasihat dan bimbingan beliau amat saya hargai. Tidak lupa juga kepada pentadbir-pentadbir sekolah menengah zon Kota Kinabalu yang terlibat secara tidak langsung dalam kajian ini, ucapan terima kasih disampaikan atas kerjasama yang diberikan.

Akhir sekali, buat suami dan anak-anak tercinta yang sentiasa sabar, tabah dan memberikan sokongan positif, semoga semangat dan sokongan yang diberikan akan memberikan semangat untuk terus mengejar kejayaan dalam kerjaya pendidikan.

ABSTRAK

HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN PERSONALITI DAN GAYA KEPIMPINAN DALAM KALANGAN PENOLONG-PENOLONG KANAN SEKOLAH MENENGAH ZON KOTA KINABALU

Kepimpinan memainkan peranan penting di dalam pengajian organisasi dan juga merupakan elemen penting dalam membentuk keberkesanan dan kejayaan organisasi. Kajian-kajian terdahulu mencadangkan bahawa pemimpin yang berkesan memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Malah ada pendapat mengatakan bahawa kecerdasan emosi juga jauh lebih penting daripada kepintaran kognitif. Kecerdasan emosi merupakan komponen kritikal bagi kepimpinan berkesan di mana ia merupakan kunci kejayaan dan penentu kritikal prestasi dalam kerjaya seorang pemimpin. Kecerdasan emosi merupakan kepintaran sosial yang merujuk kepada kebolehan individu untuk menanggapi, memproses, memahami, dan mengurus emosi dalam diri sendiri serta orang lain yang membantu pemikiran dan tindakan seseorang. Selain daripada kecerdasan emosi, personaliti juga didapati mempunyai hubungan dengan gaya kepimpinan seorang pemimpin. Saiz sampel yang seramai 56 guru-guru kanan telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Model kajian adalah berdasarkan pernyataan bahawa kecerdasan emosi menentukan keputusan dan tindakan, dan seterusnya menentukan gaya kepimpinan. Model kepimpinan Hay/McBer oleh Goleman (2000b) terdiri daripada enam gaya kepimpinan telah digunakan dalam kajian ini, iaitu gaya kepimpinan cara paksa, autoritatif, affliatif, demokratik, *pacesetting* dan melatih. Banyak kajian terdahulu mendapati bahawa kecerdasan emosi merupakan penentu terpenting untuk menjadi pemimpin berkesan namun tidak demikian dalam kajian ini kerana didapati personaliti juga merupakan faktor dalam keberkesanan kepimpinan. Hasil kajian ini mendapati bahawa personaliti introvert mempunyai hubungan signifikan dengan kecerdasan emosi pada nilai 0.038 iaitu wujud hubungan antara personaliti introvert dengan kecerdasan emosi dimensi motivasi dan empati pada aras 0.019 dan 0.018. Personaliti ekstrovert mempunyai hubungan signifikan pada aras 0.000 dengan gaya kepimpinan. Kecerdasan emosi pula tidak mempunyai hubungan dengan gaya kepimpinan iaitu pada nilai 0.352 melebihi aras signifikan 0.05. Dapatan kajian ini bukan sahaja bermanfaat kepada pentadbiran organisasi sekolah secara teori dan praktis tetapi membantu untuk mengenal pasti gaya kepimpinan, tahap EQ dan kecenderungan personaliti bagi mempertingkatkan kualiti kepimpinan.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN EMOTIONAL INTELLIGENCE, PERSONALITY AND LEADERSHIP STYLES AMONG SECONDARY SCHOOLS SENIOR ASSISTANTS IN KOTA KINABALU ZONE

Leadership is vital in organizational studies and it is a critical factor in shaping organizational effectiveness and success. Prior studies have suggested that effective leaders possess high level of emotional intelligence. Furthermore, some believe that emotional intelligence is more important than cognitive intelligence and it is critical element of leadership effectiveness; particularly for high ranking manager. Emotional intelligence is the subset of social intelligence that refers to the ability of an individual to discern, to process, to comprehend, and to manage in self and others to guide one's thinking and actions. Moreover, personality has been revealed to incline the leadership styles. This study attempts to investigate the variation of individual with low, average and high emotional intelligence as well as the influence of introvert and extrovert personality in ones leadership manner. A sample size of 56 senior assistants participated in this study. Goleman's (2000b) Hay/McBer model of leadership, which consists of six leadership styles, was employed in this study namely coercive, authoritative, affiliative, democratic, pacesetting and coaching leadership style. The conducted study shows no positive correlation between emotional intelligence and leadership styles. However, the study disclosed that leadership manner is influenced by personality. Preceded studies have suggested that emotional intelligence is the most important determinant to be effectual leaders yet the study shows that personality also crucial in leadership effectiveness. This study shows there is a positive relationship between introvert personality and EQ. There is also a relationship between extrovert personality and leadership styles. Meanwhile there is no relationship between EQ and leadership styles. These findings of this study are momentous not just to the school organization management theory and practice but also in leadership style among the school leaders.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK KAJIAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Soalan Kajian	7
1.7 Kerangka Konseptual	7
1.8 Hipotesis Kajian	9
1.9 Definisi Konsep Dan Istilah	9
1.9.1 Kepimpinan Dan Gaya Kepimpinan	9
1.9.2 Kecerdasan Kognitif	11
1.9.3 Kecerdasan Emosi	13

1.9.4	Personaliti	14
1.9.5	Guru-guru Kanan	15
1.10	Kepentingan Kajian	17
1.11	Batasan Kajian	17
1.12	Kesimpulan	18

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Definisi Konsep	19
2.2.1	Kepimpinan	19
2.2.2	Teori-teori Kepimpinan	22
	Kepimpinan Autokratik	22
	Kepimpinan Demokratik	22
	Kepimpinan Laissez Faire	23
2.2.3	Gaya Kepimpinan	24
	Gaya Paksaan	25
	Gaya Kuasa (Autoritatif)	25
	Gaya Afilatif	25
	Gaya Demokratik	25
	Gaya Pemandu	25
	Gaya Melatih	26
2.2.4	Model Kepimpinan Hay/McBer	26
2.3	Kecerdasan	27
2.3.1	Kecerdasan Emosi	28
2.3.2	Komponen-komponen Kecerdasan Emosi	30
	A. Kompetensi Personal	31

	Kesedaran Diri	31
	Pengurusan Diri	32
	Motivasi Diri	32
	B. Kemahiran Sosial	32
	Empati	32
	Kesedaran Sosial	32
	Pengurusan Sosial	33
2.3.3	Kecerdasan Emosi Dan Personaliti	36
2.4	Personaliti	37
2.4.1	Model Interaksi Sosial Getzels Dan Guba (1957)	40
2.4.2	Model Teori Motivasi Keperluan (Maslow 1954)	42
2.5	Kerangka Teoritik	43
2.6	Kesimpulan	44
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	46
3.2	Pendekatan Kajian	46
3.3	Populasi Kajian	46
3.4	Instrumen Kajian	47
	Borang A: Soal Selidik Maklumat Diri Responden	48
	Borang B: Soal Selidik Kecerdasan Emosi	48
	Borang C: Soal Selidik Gaya Kepimpinan	49
	Borang D: Soal Selidik Personaliti	49
3.5	Prosedur Kerja	50
3.6	Teknik Analisis Data	52
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	52

3.8	Kajian Rintis	53
3.9	Proses Menganalisis Data	53
3.9.1	Analisis Korelasi	54
3.9.2	Aras Signifikan	55
3.9.3	Interpretasi Bacaan Min	55
3.10	Rumusan	55

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	56
4.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	56
4.3	Demografi Responden Kajian	58
4.4	Tahap Kecerdasan Emosi Guru-guru Kanan	59
4.5	Taburan Gaya Kepimpinan Guru-guru Kanan	61
4.6	Personaliti Guru-guru Kanan	62
4.7	Hubungan Personaliti Dengan Kecerdasan Emosi	63
4.8	Hubungan Personaliti Dengan Gaya Kepimpinan	66
4.9	Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Gaya Kepimpinan	67
4.10	Analisis Keseluruhan Dapatan Hipotesis Kajian	68
4.11	Rumusan	69

BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN


5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan Dan Rumusan Kajian	71
5.3	Perbincangan	72
5.3.1	Hubungan Personaliti Dan Kecerdasan Emosi	73
5.3.2	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Gaya Kepimpinan Guru-guru Kanan	75

5.3.3	Hubungan Personaliti Dengan Gaya Kepimpinan Guru-guru Kanan	77
5.4	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	77

BIBLIOGRAFI	79
--------------------	----

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A:	Soal selidik	83
LAMPIRAN B:	Analisis Korelasi Pearson Antara Personaliti dan Komponen-komponen EQ	93
LAMPIRAN C:	Analisis Korelasi Pearson Antara Personaliti dan Gaya Kepimpinan Responden	94
LAMPIRAN D:	Analisis Korelasi Pearson Antara EQ dan Gaya Kepimpinan Responden	95
LAMPIRAN F:	Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia	96



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1:	Hierarki Pentadbiran Pendidikan Di Malaysia	1
Jadual 3.1:	Skor Dan Tahap Bagi Setiap Komponen Kecerdasan Emosi	48
Jadual 3.2:	Skor Dan Tahap Bagi Setiap Komponen Kecerdasan Emosi	48
Jadual 3.3:	Keterangan Skor Min Gaya Kepimpinan	49
Jadual 3.4:	Keterangan Skor Min Personaliti	49
Jadual 3.5:	Jadual Tindakan Kerja	51
Jadual 3.6:	Jadual Statistik Kajian	52
Jadual 3.7:	Nilai Koefisien Kobolehpercayaan Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	53
Jadual 3.8:	Petunjuk Kekuatan Korelasi	54
Jadual 4.1:	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis Dan Kajian Lepas	57
Jadual 4.2:	Perbezaan Nilai Koefisien Kebolehpercayaan Kajian Rintis Dan Kajian Sebenar	57
Jadual 4.3:	Demografi Responden Kajian	58
Jadual 4.4:	Tahap Kecerdasan Emosi Guru-guru Penolong Kanan Mengikut Min	59
Jadual 4.5:	Tahap EQ Guru-guru Kanan Mengikut Setiap Komponen Berdasarkan Peratus (%)	59
Jadual 4.6:	Definisi Operasi Skor Kecerdasan Emosi Secara Keseluruhan	60
Jadual 4.7:	Gaya Kepimpinan Responden	61
Jadual 4.8:	Jadual Personaliti Responden Berdasarkan Berdasarkan Skor Min Dan Peratus	63
Jadual 4.9:	Jadual Personaliti Responden Mengikut Jantina	63
Jadual 4.10:	Analisis Korelasi Pearson Antara Personaliti Dengan Komponen- komponen EQ Responden	65
Jadual 4.11:	Analisis Korelasi Pearson Antara Personaliti Introvert Dengan Gaya Kepimpinan Responden	67

Jadual 4.12:	Analisis Korelasi Pearson Antara Personaliti Ekstrovert Dengan Gaya Kepimpinan Responden	67
Jadual 4.13:	Analisis Korelasi Pearson Antara EQ Dengan Gaya Kepimpinan	68
Jadual 4.14:	Rumusan Analisis Dapatan Hipotesis Kajian	69

SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 1.1:	Kerangka Konseptual	8
Rajah 2.1:	Ringkasan Teori Kecerdasan Gardner Dan Sternberg	27
Rajah 2.2:	Kerangka Kerja Kompetensi Kecerdasan Emosi	31
Rajah 2.3:	Model Interaksi Sosial Getzels Dan Guba (1957) Mengikut Teori Sistem	41
Rajah 2.4:	Model Teori Motivasi Keperluan	42
Rajah 2.5:	Kerangka Teoritik	44

SENARAI SINGKATAN

EQ	- <i>Emotional Quotient</i>
IQ	- <i>Intelligence Quotient</i>
GK	- Gaya Kepimpinan
MCST	- <i>Morrisby Compound Series Test</i>
EPQ	- <i>Eysenck Personality Questionnaire</i>
WAIS	- <i>Wechsler Adult Intelligence Scale</i>
SPSS	- <i>Statistical Package for Social Sciences for Version 15.0 Windows</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem politik dan pentadbiran negara menentukan struktur dan organisasi pentadbiran pendidikan di Malaysia. Ciri sistem pentadbiran pendidikan adalah berpusat dan mempunyai empat peringkat dalam hierarki organisasi pentadbiran iaitu peringkat persekutuan, peringkat negeri, peringkat daerah dan peringkat sekolah (Jadual 1.1).

Jadual 1.1 : Hierarki Pentadbiran Pendidikan di Malaysia

Peringkat	Organisasi	Pemimpin
Persekutuan	Kementerian Pendidikan	Menteri Pendidikan
Negeri	Jabatan Pendidikan Negeri	Pengarah Pendidikan Negeri
Daerah	Pejabat Pendidikan Daerah	Pegawai Pendidikan Daerah
Sekolah	Sekolah	Pengetua/Guru Besar

Sumber : Ramaiah (1992)

Suasana dan persekitaran sekolah penting untuk membudayakan kerja berkualiti dalam kalangan warganya. Jentera pengurusan sekolah memainkan peranan dalam mempengaruhi pelbagai aspek kualiti perkhidmatan sekolah. Pihak pentadbir menjadi tulang belakang ke arah membentuk, merancang dan melaksanakan pelan strategi untuk kecemerlangan pengurusan pentadbiran dan pengurusan kurikulum sekolah. Ini merupakan satu isu yang penting kepada pihak pentadbir agar memastikan bagaimana seseorang pemimpin dapat menggalakkan dan memotivasi para pengikutnya dalam proses melaksanakan perkhidmatan berkualiti.

Pada umumnya, kriteria seorang pemimpin digambarkan melalui tahap kecerdasan kognitif dan penguasaan terhadap kemahiran-kemahiran yang mengupayakannya menjalankan tanggungjawab kepeimpinan. Bagi memperjuang matlamat yang telah ditetapkan, sesebuah organisasi harus mempunyai sumber manusia yang memiliki

kekuatan dari segi kemahiran kepimpinan dan pengurusan (Sofarelli & Brown, 1998 dalam Joisin Romut, 2004) kerana rahsia kejayaan seorang pegawai eksekutif ialah kepimpinan (Khurana, 2002 dalam Joisin Romut, 2004).

Banyak pakar dan penulis yang mengaitkan ketrampilan dan kemahiran pengurusan dengan kecerdasan kognitif seorang pemimpin. Masyarakat pada umumnya menganggap seorang pemimpin pasti mempunyai kecerdasan kognitif yang tinggi kerana tahap kecerdasan intelek sentiasa menjadi syarat utama untuk memegang satu-satu jawatan yang penting seperti seorang pengetua dan penolong kanan. Kepimpinan sentiasa menjadi tajuk menarik dalam kalangan pengkaji dan tajuk ini turut menjadi perdebatan tentang apa yang mempengaruhi seseorang pemimpin yang berkesan dan menonjol (Mumford & Van Doom, 2001 dalam Joisin, 2004).

Dalam era millenium ini, kedudukan kecerdasan kognitif menjadi syarat penting dalam kejayaan seorang pemimpin sudah mula diperdebatkan kerana para penyelidik telah mencadangkan kecerdasan emosi sebagai aspek yang terpenting untuk menjadi seorang pemimpin yang baik dan berkesan (Goleman, 1998). Kajian-kajian lepas yang baru turut memaparkan tentang kelebihan kecerdasan emosi berbanding kecerdasan kognitif dalam menentukan keupayaan memimpin seorang pemimpin (Cherniss, 1998). Pakar lain yang turut memberi komen bahawa kecerdasan intelek tidak menjamin kejayaan dalam kehidupan (Koonce, 1996; Luthans, 2002).

Kecerdasan emosi begitu popular diperdebatkan dan sentiasa dikaitkan dengan kepimpinan, namun suatu ketika dahulu personaliti seseorang individu yang dikaitkan dengan kepimpinan juga diteliti. Personaliti menurut pengertian dalam kamus adalah koleksi daripada traits emosi dan tingkah laku yang mempengaruhi karakter seseorang. Memandangkan personaliti bersifat individual maka personality adalah penting terhadap kepimpinan seorang pemimpin (Wallington, 2007).

Bagi kebanyakan ahli psikologi, personaliti manusia boleh dibahagikan kepada dua iaitu introvert dan ekstrovert. Jika persona seorang individu boleh menentukan keupayaan seseorang pemimpin mengajak orang bawahannya, maka adalah penting untuk kita mengkaji dan mengetahui aspek personaliti dengan lebih baik lagi.

Banyak penemuan kajian yang bersifat empiris mendedahkan adanya pengaruh kecerdasan emosi dan personaliti terhadap keberkesanan pemimpin. Kupasan-kupasan kajian ini sebenarnya diharapkan boleh memberi faedah dalam dunia pendidikan kerana pertama melihat kepada tekanan-tekanan dan bebanan kerja seorang pendidik. Kebanyakan pemimpin pendidikan semakin tertekan dengan tuntutan dan desakan kerjaya mereka sebagai pengajar dan pendidik. Tekanan-tekanan ini turut memberi kesan yang kritikal sebagai contoh insiden yang berlaku di sekolah rendah apabila seorang guru besar telah menampar 22 orang murid tahun empat di salah sebuah sekolah di daerah Tuaran atas alasan tidak membawa buku kerja Pendidikan Sivik (Berita Harian, 22 Julai 2007).

Tekanan lain seperti kecelaruan bidang tugas seperti tugas seorang guru semata-mata dan tugas seorang pengurus pendidikan juga menonjol dalam kalangan guru-guru berpengalaman. Kebanyakan mereka menolak untuk jawatan sebagai pentadbir atau pengurus pendidikan kerana mereka hanya ingin mengajar. Tidak kurang juga ada guru-guru yang terpaksa mentadbir tanpa ada pengetahuan dan kemahiran dalam pentadbiran dan mereka merasa tertekan kerana tanggungjawab yang diberikan adalah sangat asing bagi mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Cabaran utama pentadbir adalah memimpin pasukan kerja ke arah mewujudkan staf yang bermotivasi untuk memberi perkhidmatan yang berorientasikan kepuasan pelanggan yang terdiri dari kalangan guru-guru, murid-murid, ibu bapa, masyarakat dan agensi-agensi luar serta jabatan pelajaran. Dalam perkhidmatan yang berkualiti, membawa maksud kecemerlangan yang memenuhi keperluan, kesesuaian dengan tujuan dan matlamat sesuatu perkhidmatan. Di sebalik tabir kejayaan sekolah biasanya ada bayangan seorang pemimpin (Sonnenfeld, 1995).

Ciri-ciri iklim sekolah yang berkesan adalah seperti mempunyai kepimpinan pengetua yang dinamis, pengurusan kurikulum yang tersusun, pemantauan ataupun penyeliaan yang baik dan lain-lain lagi. Ini merupakan antara elemen-elemen yang perlu ada bagi sesebuah sekolah dan sesebuah sekolah yang mempunyai iklim pengurusan yang dianggap sebagai berjaya (Mohd. Salleh Lebar, 2001).

Budaya sekolah yang berkesan merangkumi seluruh persekitaran fizikal dan bukan fizikal yang mewujudkan pola-pola perhubungan manusia yang baik, suasana yang tenteram, keadaan persekitaran sekolah yang bersih, serta dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti keilmuan. Tanggungjawab guru-guru Kanan seperti mana tanggungjawab pengetua banyak mengurus sumber manusia yang menjadi aset yang penting dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan mereka akan memberi impak kepada sekolah kerana mereka bakal menentukan jatuh bangunnya sebuah organisasi sekolah (Lawn, 2001).

Sekolah merupakan organisasi yang hidup dan dinamikanya dipengaruhi oleh kepimpinan pengetua. Pengetua dan jenteranya serta warga sekolah lainnya menghadapi cabaran yang semakin berat akhir-akhir kerana tuntutan semakin mendesak daripada pelbagai pihak seperti masyarakat dan negara. Pengetua pada umumnya adalah perancang utama pentadbiran dan pengurusan sekolah untuk mencapai taraf pendidikan yang maksimum dengan kos yang minimum (Jemaah Nazir, 1993). Perancangan dan pentadbiran yang mantap pastinya memerlukan kemahiran yang mengagumkan dan banyak penemuan kajian mengemukakan semakin tinggi tahap kecerdasan emosi semakin berkesan seorang pemimpin (Goleman, 1998).

Perancangan yang dibuat tidak bergantung kepada keupayaan intelek pemimpin semata-mata tetapi perjuangan yang cekat berdasarkan emosi yang seimbang dan sihat juga turut mempengaruhi kejayaannya. Kecerdasan kognitif tidak semestinya menjamin seseorang itu pasti akan berjaya dalam hidupnya kerana selain intelek, emosi juga memainkan peranan penting dalam hidup manusia. Kini kajian tentang emosi sudah semakin popular dalam kalangan pengkaji-pengkaji dan seseorang yang mampu mengawal emosinya dalam situasi apa sahaja khususnya ketika menghadapi cabaran dan tekanan dikatakan memiliki kecerdasan emosi.

Banyak kajian telah dibuat berkaitan dengan kepintaran emosi antara lain pengkaji-pengkaji luar negara seperti Goleman (1998), Luthans (2002) dan tempatan iaitu Joisin (2004) telah mengkaji tentang kecerdasan emosi dan gaya kepimpinan dalam kalangan Kadazan Dusun turut menjadi bahan bacaan tambahan kajian ini. Pemimpin yang berjaya dan berkesan seperti yang dikatakan oleh kedua-dua pengkaji ini sebenarnya lebih banyak dipengaruhi oleh kepintaran emosi berbanding dengan kecerdasan kognitif atau kepintaran intelektual.

1.3 Pernyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini, kepimpinan dalam dunia pendidikan semakin hangat diperbincangkan dan kajian demi kajian dibuat bagi mengupas isu ini. Kajian ini bertujuan mencungkil dan menemukan bukti-bukti berkaitan hubungan kecerdasan emosi terhadap gaya kepimpinan seseorang pemimpin dan hubungan kecerdasan emosi dengan personaliti seseorang pemimpin.

Apa yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah untuk menelaah kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh para pemimpin pendidikan khususnya pemimpin kepada subunit-subunit di sekolah-sekolah. Kajian terhadap kemahiran-kemahiran pemimpin pendidikan ini adalah dianggap penting kerana pertama, sejak dahulu lagi kajian demi kajian telah dilaksanakan sehingga kini bagi membongkar rahsia kejayaan seorang pemimpin yang dikaitkan dengan kemahiran pemimpin. Alasan kedua adalah, berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan didapati pelbagai kemahiran dan pengetahuan diaplikasikan oleh para pemimpin pendidikan. Kajian ini juga ingin melihat antara kemahiran-kemahiran tersebut manakah yang lebih menonjol.

Pengetua dan guru-guru kanan mempunyai peranan yang amat besar dalam pentadbiran dan pengurusan sesebuah sekolah. Peranan ini dipengaruhi oleh keterampilan dan kemahiran setiap individu pengetua dan penolong kanan yang banyak menentukan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan sekolah. Dapatan-dapatan daripada kajian ini bakal memberi informasi yang berguna yang mencakupi kecerdasan emosi merupakan salah satu daripada aspek yang menentukan keberkesanan pemimpin (Luthans, 2002; Connolly, 2002; Goleman 1998).

1.4 Tujuan Kajian

Aspek personaliti dan kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam diri seorang pemimpin. Kedua-dua elemen ini menunjukkan kaitan dengan bakat kepimpinan seseorang ketua. Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat jika wujud perkaitan kecerdasan emosi dan personaliti dengan gaya kepimpinan seorang pemimpin khususnya guru-guru kanan. Banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan kepimpinan seorang pemimpin dan yang sentiasa menjadi sorotan adalah personaliti yang telah lama diperkenalkan dan diceburi oleh tokoh-tokoh tersohor seperti Maslow, Freud dan pakar

psikologi yang lain. Ramai pakar mengakui personaliti adalah bersifat lahiriah dan bersifat genetik iaitu telah ada pada diri setiap individu sejak lahir iaitu diperturunkan daripada ibu bapa. Kebanyakan orang akan suka menilai seorang pemimpin berdasarkan personalitinya dilihat yang boleh dilihat dengan mata kasar kerana adanya ciri-ciri yang menonjol berdasarkan personaliti.

Selain faktor personaliti, faktor emosi juga dianggap penting menentukan tindakan dan tingkahlaku seseorang individu. Biasanya emosi ini dikaitkan dengan perasaan seperti suka, gembira, teruja, dan acap kali emosi manusia ini berubah-ubah mengikut situasi. Situasi pula ditentukan oleh persekitaran merupakan elemen yang boleh mempengaruhi perkembangan emosi seseorang individu. Bagi seorang pemimpin, kecerdasan emosi sangat penting kerana faktor emosi ini boleh menentukan kualiti seseorang pemimpin. Dalam bab ini kecerdasan emosi mencakupi lima komponen iaitu kesedaran sendiri, kawalan sendiri, motivasi, empati dan kemahiran sosial. Beberapa tokoh penting seperti Goleman dan Gardner banyak membuat kajian tentang kecerdasan emosi dan dikaitkan dengan kepimpinan.

Kajian ini ingin melihat jika faktor-faktor personaliti dan kecerdasan emosi mempunyai kaitan dengan kepimpinan khususnya dalam kalangan guru-guru kanan di sekolah-sekolah menengah zon Kota Kinabalu. Dua faktor atau pemboleh ubah personaliti dan kecerdasan emosi merupakan pemboleh ubah bebas dan gaya kepimpinan guru-guru kanan adalah pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini, lebih banyak bacaan akan dibuat tentang kajian-kajian lepas dan teori-teori berkaitan personaliti dan kecerdasan emosi untuk merungkai jawapan di sebalik hubungan pemboleh ubah-pemboleh ubah ini.

1.5 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif utama yang dirumuskan dalam kajian ini iaitu untuk:

1. Mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dan personaliti guru-guru kanan.
2. Mengkaji hubungan antara personaliti dengan gaya kepimpinan guru-guru kanan.
3. Mengkaji hubungan kecerdasan emosi dengan gaya kepimpinan guru-guru kanan

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah yang dikemukakan, maka soalan-soalan kajian yang boleh dirumuskan antaranya:

1. Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru-guru kanan?
2. Apakah taburan personaliti guru-guru kanan?
3. Apakah taburan gaya kepimpinan guru-guru kanan?
4. Adakah wujud hubungan kecerdasan emosi dengan personaliti guru-guru kanan?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan gaya kepimpinan guru-guru kanan?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan gaya kepimpinan guru-guru kanan?

1.7 Kerangka Konseptual

Berdasarkan soalan kajian yang terdiri daripada enam soalan, tiga soalan yang pertama merupakan soalan yang memerlukan penjelasan secara deskriptif iaitu menilai tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru-guru kanan, melihat taburan personaliti guru-guru kanan dan taburan gaya kepimpinan guru-guru kanan.

Kajian ini juga ingin meninjau dari aspek demografi seperti jawatan, umur, pengalaman dan jantina. Walaupun kajian lepas banyak dibuat untuk mengaitkan aspek demografi dalam kajian mereka, dalam kajian ini pula aspek demografi hanya sebagai pengetahuan am semata-mata yang mungkin berguna pada masa akan datang.

Berdasarkan tiga soalan yang terakhir pula, kajian ini sebenarnya bertujuan mengkaji aspek kecerdasan emosi dan hubungannya dengan gaya kepimpinan guru-guru kanan sekolah menengah. Pembolehubah bebas dalam kajian ini ialah kecerdasan emosi, manakala gaya kepimpinan adalah pembolehubah bersandar.

Hubungan ini berasaskan kepada pernyataan Goleman (2001) yang mengatakan bahawa kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menentukan tingkahlaku, keputusan, dan tindakan seseorang. Pada masa yang sama kecerdasan emosi merupakan satu unit yang terdiri daripada komponen kritikal yang menentukan gaya kepimpinan

seseorang (Cherniss, 1998; Goleman 2001). Model kepimpinan yang digunakan dalam kajian ini adalah Model Hay/McBer Leadership oleh Goleman (2000).

Selain daripada kecerdasan emosi, personaliti juga merupakan kriteria-kriteria yang menonjol dan selalu dikaitkan dengan kepimpinan. Berbeza dengan kecerdasan emosi, personaliti bukan kemahiran yang boleh dikuasai tetapi merupakan sifat dalaman seseorang yang telah wujud dalam diri individu tersebut sejak lahir. Ramai pakar psikologi mempunyai pendapat yang berbeza tentang personaliti seperti Freud yang mengaitkan personaliti dengan tiga fasa iaitu id, ego dan superego. Malah Freud juga mengatakan bahawa suatu hati menentukan personaliti seseorang individu. Dua model yang boleh digunakan dalam kajian ini adalah model keperluan Maslow(1954) dan model interaksi sosial Getzels dan Guba (1957).

Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual

